

Sumbangan Al-Qushayri Dalam Bidang Kerohanian Berdasarkan Disiplin Ilmu Nahu

*Shahrizal Mahpol

srizal368@uitm.edu.my

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Muhammad Saiful Anuar Yusoff (Dr)

saiful673@uitm.edu.my

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Bin Mohd Sa'ad

luqman701@uitm.edu.my

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

ABSTRAK

Kerohanian merupakan antara perkara asas dalam disiplin ilmu-ilmu Islam. Setiap bidang ilmu Islam hendaklah diterapkan dengan nilai kerohanian termasuklah ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti ilmu nahu, balaghah dan sebagainya. Namun demikian, perbincangan nahu Arab yang berlaku selama ini adalah terpisah daripada unsur-unsur kerohanian dan akhlak kerana ilmu tersebut hanya tertumpu pada menjaga tutur kata seseorang dari berlaku kesalahan yang boleh mempengaruhi kefahaman pendengarnya. Artikel ini mengetengahkan dimensi baharu dalam perbincangan ilmu nahu yang diperkenalkan oleh tokoh ilmuwan sufi yang masyhur bernama 'Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushayri (w. 465H). Beliau merupakan seorang ulama' sufi yang telah membincangkan ilmu nahu ini dari sudut kerohanian iaitu dengan membuat suatu perbandingan dan perkaitan antara ilmu nahu yang lebih bersifat linguistik dengan ilmu tasawuf yang berorientasikan kerohanian. Usaha ini telah melahirkan satu pendekatan baharu dalam pengajian ilmu nahu yang dikenali oleh ulama sufi sebagai « Nahu Sufi » atau « Nahu Hati ». Dengan melakukan analisis terhadap kandungan (content analysis) karya nahu beliau berjudul "Naḥw al-Qulūb", kajian cuba memaparkan nilai-nilai kerohanian atau tasawuf yang diterapkan dalam ilmu nahu melalui kedua-dua karya tersebut. Kajian mendapati bahawa al-Qushayri dianggap sebagai pelopor kepada satu pendekatan baharu dalam perbincangan ilmu nahu yang dikaitkan dengan ilmu tasawuf sehingga individu yang menekuninya mampu mencapai ke tahap ma'rifah Allah. Pendekatan ini juga menjadi panduan kepada tokoh-tokoh ulama sufi terkemudian dalam menggabungkan dua bidang ilmu ini dalam bentuknya yang baharu dan bersepadu.

Kata Kunci: Al-Qushayri; Kerohanian; Tasawuf; "Naḥw al-Qulūb al-Kabīr"; "Naḥw al-Qulūb al-Saghīr"

Spiritual Values in Arabic Grammar: A Study on Al-Qushayri's Contribution

ABSTRACT

Spirituality is one of the fundamental things in the discipline of Islamic Sciences. Every area of Islamic sciences should be applied to spiritual values such as Arabic grammar, Arabic literature and so on. Nonetheless, the discussion on Arabic has been detached from spiritual elements as the focuses solely on keeping one's speech from errors that may affect the understanding of its listeners. This study focuses on a new dimension to the debate on the Arabic grammar introduced by the famous Sufi scholar named 'Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushayri (d. 465H). He was a sufi scholar who discussed this science from a spiritual point of view by making a comparison between linguistic science and a Sufism. This effort leads to a new approach to the study of Arabic grammar known by Sufi scholars as «*Nahw al-Qulub*» or «*Grammar of Heart*». By analyzing the content of his two books entitled “*Nahw al-Qulūb*” the study attempts to show the spiritual or sufism values applied in the Arabic grammar. It is found that al-Qushayri is regarded as the forerunner of a new approach to the debate on theology associated with the Sufism so that the practitioners are able to reach the *ma'rifah* Allah. This approach also serves as a guide for later Sufi scholars in combining these two areas of knowledge in a new form.

Keywords: Al-Qushayri; Spiritual; Sufism; “*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*”; “*Nahw al-Qulūb al-Saghīr*”

PENGENALAN

Aspek penerapan nilai-nilai kerohanian atau kesufian dalam setiap disiplin ilmu sama ada yang berkaitan secara langsung dengan bidang keagamaan atau bidang lain adalah amat penting untuk melahirkan insan yang seimbang dan cemerlang. Antara bidang ilmu yang perlu diterapkan dengan nilai tersebut ialah ilmu nahu Arab. Artikel ini cuba mengkaji tentang sumbangan seorang tokoh sufi kurun ke lima Hijrah, iaitu ‘Abd al-Karim bin Hawazin yang terkenal dengan julukan al-Qushayri dalam bidang ilmu nahu Arab. Beliau dilihat telah membawa pendekatan baharu yang berbeza dengan ulama’ lain dengan menerapkan elemen kerohanian atau tasawuf dalam setiap topik nahu yang dibahaskan. Hal ini sebenarnya menjadi nilai tambah kepada setiap individu yang ingin mendalami ilmu nahu Arab. Oleh yang demikian, huraian mengenai latar belakang ilmu tasawuf dan ilmu nahu perlu disentuh dengan ringkas untuk melihat dengan lebih jelas sejauh mana perkaitan antara kedua-dua disiplin ilmu tersebut.

ILMU TASAWUF DAN HUBUNGANNYA DENGAN ILMU NAHU

Ulama telah berselisih faham dalam menentukan asal kata perkataan tasawuf. Ada yang mengatakan bahawa perkataan tersebut diambil daripada *Ṣūfah* (gelaran lelaki yang berkhidmat untuk ka’bah), *Ṣafā’* (kejernihan), *Ṣuffah* (ruang belakang masjid Nabi), *Ṣifah* (sifat), *Ṣaff* (barisan), *Ṣūf* (bulu kambing) dan sebagainya. Dari segi istilah pula terdapat banyak definisi yang diberikan oleh ulama’ sehingga dikatakan ianya melebihi dua ribu pentakrifan (al-Zarruq, 2005:21). Namun demikian penulis cenderung untuk memilih definisi yang diberikan oleh

ulama' sufi terkenal Zakariya al-Ansari kerana ia dilihat telah mencakupi dua unsur penting iaitu matlamat (*ghayah*) dan jalan (*wasilah*) bagi tasawuf itu sendiri. Beliau mentakrifkannya sebagai ilmu yang membahaskan mengenai proses penyucian jiwa, penjernihan akhlak dan pengisian zahir dan batin untuk memperoleh kebahagiaan yang abadi (al-Qushayri 2010, 10). Penyucian jiwa melalui konsep *takhliyah* dan *tahliyah* melambangkan kepada ***jalan atau wasilah*** manakala kebahagiaan yang abadi kerana mencapai *ma'rifatullah* merujuk kepada ***matlamat*** (*ghayah*) seseorang menceburi bidang tasawuf. Hukum mempelajari ilmu tasawuf adalah fardu ke atas setiap individu Muslim kerana tanpanya seseorang itu tidak dapat mengetahui penyakit-penyakit hati yang boleh membawa kepada kerosakan diri seseorang hamba (Ibn 'Abidin 2003, 1:127). Ia juga bertepatan dengan maksud ayat Quran :

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ﴾

"janganlah kamu dekati perkara-perkara yang buruk sama ada yang nyata ataupun yang tersembunyi (batin) "

Surah al-An'am (151)

Menurut al-Qurtubi (2006, 9:108), maksud perkara keji yang tersembunyi (batin) dalam ayat ini ialah dosa-dosa yang berkaitan dengan hati seperti riyak, ujub, dengki dan lain-lain lagi.

Manakala ilmu nahu Arab pula, merupakan bidang ilmu yang sangat sistematik kerana setiap langkah mempunyai kaedah-kaedah tertentu yang berbeza dengan bahasa lain di dunia. Ulama nahu Arab telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dengan berbagai daya kreatif mereka untuk menghasilkan karya-karya bertujuan memudahkan pengajian nahu. Asal perkataan nahu diambil dari Arab dan merupakan kata terbitan dari (نحوت نحو أي إذا قصدت قصدا) bermaksud saya menuju ke suatu arah atau jalan (Ibn Manẓur t.th., 15:310). Dari sudut istilah pula, ilmu nahu bermaksud ilmu yang membahaskan kaedah-kaedah yang dengannya dapat diketahui keadaan susunan ayat agar ianya menepati dengan kaedah tersebut. Melalui ilmu nahu inilah, sesuatu ayat itu boleh diketahui betul atau salahnya dan tidak berlaku kesilapan dalam memahaminya (al-Jurjani 1996, 240).

Mempelajari ilmu nahu merupakan satu tuntutan syarak kerana individu yang tidak mempelajarinya tidak akan memahami agamanya dengan sempurna kerana ajaran Islam diturunkan oleh Allah dengan menggunakan bahasa Arab. Oleh kerana Islam diturunkan dengan bahasa yang istimewa ini, ditambah pula dengan kedudukan Quran dan Hadis sebagai sumber hukum juga dalam bahasa Arab maka tidak ada jalan lain untuk memahami isi kandungannya kecuali dengan memahami dan mendalami ilmu bahasa Arab (Ibn Taymiyyah 2003, 143). Seorang ahli tafsir juga, tidak mampu membuat suatu tafsiran yang tepat terhadap ayat-ayat Quran kecuali apabila ia mahir dalam ilmu berkaitan bahasa Arab termasuklah ilmu nahu, saraf, balaghah dan lain-lain lagi. Tambahn pula, al-Zarkashī (t.th., 1:292) pernah menegaskan bahawa tidak halal bagi seseorang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat menghuraikan atau mentafsirkan mana-mana ayat Quran sekiranya beliau tidak mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab.

Dalam bidang periwayatan Hadis pula, seorang *muḥaddith* hendaklah berwaspada daripada berlaku kesalahan dalam meriwayatkan Hadis tertentu kerana ia akan menyebabkan kepada kesilapan dalam memahami kandungannya. Justeru, seorang *muḥaddith* tidak mampu mengelak dari kesilapan tersebut kecuali setelah ia menguasai ilmu nahu dan ilmu lain yang berkaitan dengan bahasa Arab (al-Khatīb al-Baghdādī 1983, 2:24). Begitu juga dari aspek pengajian ilmu fiqah, kajian mendapati kepentingan untuk mendalami ilmu nahu Arab dapat

dilihat dengan lebih jelas lagi setelah ia dijadikan sebagai salah satu syarat utama untuk melayakkan seseorang itu digelar *mujtahid* dalam mengeluarkan sesuatu hukum (al-Shāṭibi t.th. 2:114-115).

Melalui perbincangan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa kedua-dua ilmu ini adalah wajib dipelajari bagi setiap muslim. Namun jika dilihat dari satu sudut, didapati kedua-dua ilmu tersebut adalah berbeza dari aspek matlamat dan kepentingannya. Hal yang demikian kerana, ilmu tasawuf dilihat hanya memberi penumpuan kepada persoalan penyucian hati dari dosa dan penghiasan jiwa dengan amalan-amalan salih. Manakala ilmu nahu pula, lebih memfokuskan kepada menjaga lisan dari kesilapan tatabahasa. Namun demikian, al-Qushayri sebagai tokoh ilmuan sufi yang terkenal kepakarannya dalam menggabungkan antara aspek syariat dan hakikat, telah membahaskan ilmu nahu ini dari sudut kerohanian iaitu dengan membuat perbandingan antara kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Maka dengan itu, lahirlah satu disiplin ilmu baharu yang dikenali sebagai nahu sufi (*nahw sufiy*) atau nahu hati (*nahw al-qulub*) (Ibrahim Bisyonu 1994).

Usaha penggabungan kedua bidang ilmu tersebut adalah bertepatan dengan pandangan al-Qushayri (2010:52) dalam sebuah lagi karya beliau berjudul “*al-Risalah*” yang mengatakan:

كل شريعة غير مؤيدة بالحقيقة فغير مقبول وكل حقيقة غير مقيدة بالشريعة فغير محمول

Maksudnya:

“Setiap syariat (*amalan zahir*) yang tidak disokong dengan aspek hakikat (*kerohanian*) maka ia tidak diterima dan setiap aspek hakikat yang tidak terikat dengan syariat maka ia juga tidak berhasil”.

Daripada ungkapan di atas, dapat dibuat satu analogi ataupun perbandingan bahawa sebagaimana seseorang yang menggabungkan antara aspek syariat dan hakikat dalam setiap amalannya mampu mencapai tahap kesempurnaan, begitu juga situasinya bagi pengajian nahu Arab yang digabungkan dengan nilai-nilai kerohanian atau kesufian, maka ia sudah pasti akan mencapai tahap kemantapan dan kesempurnaan dari aspek kebahasaan. Di samping itu, integrasi antara kedua-dua bidang ilmu ini juga akan melahirkan individu yang mengenal Allah (*ma'rifah* Allah) dan mampu memelihara lidahnya dari mengeluarkan kata-kata yang menyalahi kaedah nahu dan bercanggah dengan nilai-nilai kerohanian Islam.

LATAR BELAKANG DAN KETOKOHAN AL-QUSHAYRI

Nama beliau ialah ‘Abd al-Karim bin Hawazin bin ‘Abd al-Malik bin Talhah bin Muhammad Al-Qushayri. *Kunyahnya* dikenal sebagai Abu al-Qasim dan gelarannya (*laqab*) pula ialah *Zayn al-Islam* yang bermaksud perhiasan Islam (‘Abd al-Ghafir al-Farisi 2008:326). Dalam kalangan ulama’, beliau lebih dikenali dengan panggilan Al-Qushayri. Namun demikian terdapat beberapa panggilan atau julukan lain yang diberikan antaranya *al-Faqīh*, *al-Mutakallim*, *al-Uṣūliyy*, *al-Mufasssir*, *al-Muḥaddith*, *al-Nahwiyy* dan lain-lain lagi (al-Dhahabi t.th., 13:548). Dilahirkan di sebuah tempat bernama Ustuwa iaitu satu kawasan penempatan yang terletak di Khurasan pada tahun 376 Hijrah. Ini berdasarkan kepada pengakuan beliau sendiri ketika ditanya oleh salah seorang muridnya bernama Abu Bakar bin Ali al-Khatib al-Baghdadi mengenai tarikh kelahirannya. Lalu beliau menjawab dengan katanya: “*Aku dilahirkan pada bulan Rabī’ al-Awwal 376 Hijrah*” (t.th., 11:83).

Beliau adalah daripada keturunan bangsa Arab jati dari kedua belah ibu dan bapanya. Dari sebelah bapanya, beliau berketurunan kabilah *Qushayr al-‘Adnāniyyah* yang bersambung

nasab dengan Rabi'ah bin Amir bin Sa'sa'ah bin Hawazin (Abdul Karim al-Sam'ani 1999:56). Manakala ibunya pula adalah dari keturunan Bani Sulaym bin Mansur bin 'Ikrimah bin Khaṣfah bin Qīs yang berasal dari sebuah penempatan di Najad (al-Qalqashandiy 1991:294). Ibunya adalah saudara perempuan kepada Abu 'Uqayl al-Sulamiy yang merupakan antara orang kenamaan di Ustuwa ketika itu (Ibn 'Asakir 1984:272).

Kehebatan seseorang tokoh tertentu dalam sesuatu bidang yang diceburi banyak dipengaruhi oleh kewibawaan guru-guru yang telah mencurahkan ilmu kepadanya. Salah satu keistimewaan yang dikecapi oleh al-Qushayri ialah kebanyakan guru yang mengajarnya adalah tergolong dalam kalangan ulama' yang cenderung kepada aspek kesufian. Selain dari itu, mereka juga mempunyai kemahiran tinggi dalam setiap disiplin ilmu yang diceburi. Antara ulama' besar yang banyak mencurahkan ilmu kepada al-Qushayri dalam pelbagai bidang ilmu Islam ialah Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan bin Furak (al-Suyuti 1982:62), Ibrahim bin Muhammad bin Ibrahim bin Mihran al-Isfarayini, Muhammad bin Bakr bin Muhammad Abu Bakar al-Tusi, Abu Ali Al-Daqqaq dan lain-lain lagi (al-Suyuti 1982:61). Merujuk kepada bilangan guru al-Qushayri, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Hasan Fir (t.t.:8) telah menyenaraikan lebih dari 30 nama guru terkemuka yang mengajar beliau dalam pelbagai bidang ilmu Islam.

Kajian juga mendapati al-Qushayri tergolong dalam kalangan ulama' yang banyak dibincangkan oleh ramai ulama terdahulu dan pengkaji semasa mengenai ketokohan dan kredibilitinya. Kebanyakan mereka telah memberikan pandangan yang positif terhadap tokoh ini. Antara faktor yang mendorong kepada pujian para ilmuwan terhadap ketokohan beliau ialah kerana sumbangannya yang besar dalam pelbagai disiplin ilmu Islam khususnya dalam bidang tasawuf. Selain itu, ia juga disebabkan oleh kesohoran beliau sebagai antara tokoh ulama' sufi yang diperakui kewibawaannya dalam mempertahankan pemikiran aliran Ahli Sunah Waljamaah pada zaman itu.

Ketokohan al-Qushayri dapat dilihat dari banyak sudut antaranya ialah penguasaan beliau yang mantap dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Menurut al-Subki (t.t., 5:153), al-Qushayri merupakan tokoh ulama' sufi sunni yang menguasai pelbagai bidang ilmu Islam mencakupi ilmu kalam, fekah, tafsir, nahu dan sebagainya. Selain dari itu, beliau juga merupakan tokoh penulis yang produktif. Menurut 'Abd al-Ghafir (1989:326), selain kepakaran al-Qushayri yang terserlah dalam bidang tasawuf, beliau juga sangat rajin menghasilkan karya yang amat banyak dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Setelah membuat penyelidikan yang terperinci, kajian telah menemui angka terkini mengenai hasil karya beliau iaitu sebanyak 43 buah kitab. Sebahagian dari karya tersebut, masih lagi berada dalam bentuk manuskrip yang tersimpan di dalam perpustakaan di negara Arab dan Eropah.

Al-Qushayri juga merupakan seorang ilmuwan sufi sunni yang diperakui oleh kebanyakan ulama' antara tokoh terawal yang menggabungkan antara aspek syariat dan hakikat secara bersepadu dan tersusun melalui karya-karya yang beliau hasilkan ('Abd al-Ghafir 2008:326). Beliau telah melakukan integrasi antara tasawuf dan tafsir, tasawuf dan tauhid, tasawuf dan nahu dan sebagainya dalam beberapa karya yang dihasilkan. Selain dari itu juga, beliau merupakan tokoh pemidato dan pemuisi sufi yang hebat di zamannya. Dalam hal ini, al-Bakharzi (1993, 2:993) menyatakan bahawa syarahan al-Qushayri secara kiasannya, mampu menghancurkan batu batan yang keras dan pejal. Majlis *tadhkir* yang beliau kendalikan juga, boleh menyebabkan syaitan menyesal dan bertaubat di atas segala dosa dan kesalahan yang dilakukan.

KARYA AL-QUSHAYRI DALAM ILMU NAHU

Kebanyakan ulama yang membicarakan mengenai latar belakang al-Qushayri, bersepakat mengatakan bahawa beliau telah menghasilkan karya dalam bidang nahu Arab. Terdapat dalam kalangan ulama' yang menyebut bahawa al-Qushayri telah menghasilkan sebuah karya dalam ilmu nahu bertajuk "*Naḥw al-Qulūb*". Antara ulama' yang berpandangan demikian ialah al-Dhahabi (t.t., 13:550) merupakan pengarang kitab "*Siyar A'lām al-Nubalā*". Beliau telah menyatakan dengan jelas bahawa: "*Dia (al-Qushayri) telah menulis kitab nahu berjudul Naḥw al-Qulūb*". Ibn Kathir (1993, 2:452) juga telah menjelaskan dalam kitab "*Ṭabaqāt*"nya sebagaimana berikut: "*dan bagi al-Qushayri terdapat beberapa karya besar yang lain antaranya ialah kitab Naḥw al-Qulūb*". Manakala al-Suyuti (1982:63) juga turut menyenaraikan dalam kitabnya "*Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*" beberapa karya al-Qushayri sebagaimana berikut: "*Beliau juga menghasilkan kitab "al-Risālah" yang membicarakan mengenai tokoh-tokoh lampau dalam bidang tarekat, kitab "Laṭā'if al-Ishārāt" dan kitab "Naḥw al-Qulūb"*".

Pada masa yang sama, kajian mendapati al-Subki (t.t., 5:159) dan al-Dawudi (1983, 1:350) pula mengatakan bahawa, al-Qushayri telah menulis dua buah buku dalam ilmu nahu. Kcedua-dua karya tersebut berjudul "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*" dan "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*".

Dengan merujuk kepada pandangan ulama-ulama tersebut dalam karya *tarājim* mereka, dapat disimpulkan bahawa majoriti telah bersepakat mengenai keabsahan nisbah kitab nahu yang berjudul sama ada "*Naḥw al-Qulūb*" atau "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*" dan "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*" kepada al-Qushayri. Oleh yang demikian timbul persoalan dari kenyataan mereka, adakah yang dimaksudkan dengan kitab "*Naḥw al-Qulūb*" itu adalah singkatan judul kepada dua buah karya berasingan al-Qushayri iaitu "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*" dan "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*". Ataupun adakah ia merupakan judul asal kepada sebuah kitab nahu karangan beliau.

Antara sarjana semasa yang mengkaji mengenai karya nahu al-Qushayri ialah Ibrahim Bisunyi dan merupakan seorang Profesor di Fakulti Linguistik dari Universiti 'Ayn Shams, Kaherah di Mesir. Beliau berpendapat, al-Qushayri telah menghasilkan dua buah karya dalam ilmu nahu berjudul "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*" dan "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*". Dalam kajian yang dibuat di peringkat Doktor Falsafah, beliau telah menemui sebuah manuskrip bernombor 116 di *Majāmi' Dār al-Kutub al-Miṣriyyah* tetapi tidak tertera padanya nama pengarang kitab tersebut.

Dalam kajian tersebut, beliau tidak membuat satu kesimpulan yang jelas bahawa manuskrip yang beliau temui itu adalah kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*" atau mungkin ianya adalah dari kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*". Beliau telah membuat andaian bahawa, besar kemungkinan manuskrip yang ditemui itu adalah kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*". Ia adalah berpandukan kepada ungkapan *hamdalah* yang terdapat pada kitab tersebut adalah berlainan dengan *hamdalah* yang dinyatakan oleh Haji Khalifah (1990, 2:1935. Menurut Ibrahim lagi (1972:46), kemungkinan lafaz *hamdalah* yang terdapat dalam kitab "*Kashf al-Zunūn*" itu adalah dari kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*". Tambahan pula, beliau telah mengkategorikan kitab tersebut antara karya al-Qushayri yang masih belum ditemui.

Seorang lagi sarjana semasa bernama Ahmad Qasim Kassar (2012:12) telah membuat kajian mengenai karya nahu al-Qushayri dalam artikel beliau bertajuk "*al-Imam al-Qushayri wa Juhūduhu fi Aslamah al-Dirāsāt al-Lughawīyyah*". Dalam kajian tersebut, beliau menegaskan bahawa al-Qushayri telah menulis sebuah kitab nahu berjudul "*Naḥw al-Qulūb*" yang mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama dinamakan "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*"

dan bahagian kedua pula ialah “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*”. Penemuan tersebut adalah berdasarkan kepada rujukan beliau kepada kitab “*Naḥw al-Qulūb*” yang telah dicetak oleh Percetakan *Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah* di Lubnan tahun 2005.

Pengkaji lebih cenderung kepada pandangan Ibrahim Bisayuni yang mengatakan bahawa al-Qushayri telah menghasilkan dua buah karya dalam ilmu nahu berjudul “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*” dan “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*”. Pengkaji juga bersetuju bahawa manuskrip yang beliau temui di *Majāmīr ‘Dār al-Kutub al-Miṣriyyah* adalah kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*” berdasarkan kepada perbahasannya yang agak ringkas mengenai ilmu nahu. Namun demikian, pengkaji tidak sependapat dengan beliau yang mengatakan bahawa *ḥamdalah* yang dinyatakan oleh haji Khalifah merupakan *ḥamdalah* dari kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*”.

Dengan merujuk kepada teks asal kedua-dua kitab yang dinisbahkan kepada al-Qushayri (2005), kajian mendapati *ḥamdalah* yang disebut oleh Haji Khalifah dalam kitabnya “*Kashf al-Zunūn*” sebenarnya merupakan *ḥamdalah* kepada kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*”. Ia bukannya *ḥamdalah* dari kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*” sebagaimana tanggapan Ibrahim Bisayuni. *Ḥamdalah* yang terdapat dalam “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*” adalah lafaz (*al-ḥamdu liLlah rabb al-‘ālamīn*) dan disusuli dengan selawat ke atas Nabi Muhammad (s.a.w.) (al-Qushayri 2005:7). Kajian mendapati perbezaan lafaz *ḥamdalah* yang terdapat pada manuskrip “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*” adalah merujuk kepada penyalin (*nassākhūn*) kitab tersebut dan bukan dari pemilik asalnya.

Meneliti kepada hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik terdahulu dan merujuk kepada teks asal kedua-dua kitab ini, dapat dirumuskan bahawa al-Qushayri telah menghasilkan dua karya dalam ilmu nahu iaitu “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*” dan “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*”. Manakala yang dimaksudkan dengan “*Naḥw al-Qulūb*” oleh al-Dhahabi, Ibn Kathir dan al-Suyuti adalah merupakan ringkasan atau singkatan judul kepada dua buah kitab berasingan milik al-Qushayri. Kajian juga mendapati ia bukan judul asal kepada sebuah karya nahu beliau sebagaimana dinyatakan oleh Ahmad Qasim Kassar dalam kajiannya. Perbezaan antara kitab-kitab ini dapat dilihat dengan merujuk kepada saiz ketebalan kedua-duanya. Kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*” adalah lebih kecil dan perbahasannya pula adalah amat ringkas. Manakala kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*” pula lebih tebal dan terperinci isi kandungannya. Persamaan topik-topik nahu yang terdapat dalam kedua-dua kitab ini, disamping setiap kitab dimulai dengan mukadimah yang berlainan merupakan bukti jelas bahawa “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*” dan “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*” merupakan dua kitab yang berasingan milik al-Qushayri.

INTEGRASI ANTARA BIDANG TASAWUF DAN NAHU DALAM KITAB-KITAB NAHU SELEPAS AL-QUSHAYRI

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa al-Qushayri dianggap sebagai ulama’ sufi pertama yang mempelopori usaha mengintegrasikan antara ilmu tasawuf dengan ilmu nahu dalam bentuknya yang baharu. Beliau telah menerapkan nilai-nilai kerohanian dalam topik ilmu nahu yang dilihat mengandungi ciri-ciri persamaan dan kesetaraan antara kedua-duanya.

Perbahasan mengenai hubungan yang signifikan antara ilmu tasawuf dengan ilmu nahu, telah dibincangkan juga oleh beberapa ulama’ sufi yang lahir selepas beliau. Menurut al-‘Ukayyili (2012:159), seorang ulama sufi yang hidup dalam kurun ke 7 Hijrah bernama Ibn ‘Arabi (w. 638H) telah membicarakan mengenai konsep nahu sufi dalam kitabnya “*al-Futūḥāt al-Makkiyyah*”. Menurut beliau, Ibn ‘Arabi telah menekankan bahawa ilmu nahu tidak seharusnya dihuraikan hanya dari sudut pandang kebahasaan atau linguistik semata-mata. Bahkan, perbahasannya hendaklah menjangkau kepada falsafah kerohanian yang menekankan

kepada konsep keimanan mendalam terhadap keluasan ilmu Allah yang menjadi sumber kepada terbentuknya ilmu-ilmu lain di dunia ini.

Selain dari itu, terdapat juga seorang ulama' sufi bernama Ali bin Maymun al-Hasaniy al-Idrisiy (w. 917H) yang berasal dari Maghribi telah menggunakan metode sama dalam menghuraikan kaedah-kaedah ilmu nahu. Beliau telah menghuraikan isi kandungan kitab nahu "*al-Muqaddimah al-Ājurrūmiyyah*" karangan Ibn Ajurrum (w. 723H) melalui pendekatan kerohanian dalam kitabnya berjudul "*Nahw al-Qalb*". Manuskrip asal kitab tersebut boleh didapati di perpustakaan Universiti Raja Saud.

Dalam mukadimah kitab tersebut, Ali (2015) menjelaskan bahawa setiap perbahasan yang terkandung dalam ilmu nahu sebenarnya mengandungi simbolik-simbolik yang menjurus kepada konsep *ma'rifah* dan mentauhidkan Allah Ta'ala. Beliau juga menekankan bahawa, mempelajari ilmu tersebut merupakan jalan (*wasīlah*) untuk mengetahui segala suruhan dan larangan Allah dan RasulNya yang terkandung di dalam kedua-dua sumber utama syariat Islam iaitu Quran dan Hadis. Justeru, setiap individu dikehendaki mendalami ilmu nahu bukan sekadar untuk menjaga lidah dari kesalahan tatabahasa semata-mata. Bahkan dia hendaklah memberi penekanan juga kepada sudut yang lebih utama iaitu memantapkan akidah tauhid terhadap Allah Ta'ala.

Pendekatan yang sama, telah diikuti oleh tokoh ulama' sufi selepas beliau bernama Ibn 'Ajjibah (w.1224H) yang telah menulis kitab berjudul "*al-Futuḥāt al-Quddūsiyyah bi Sharh al-Muqaddimah al-Ājurrūmiyyah*". Ia juga merupakan sebuah karya nahu yang menghuraikan isi kandungan kitab "*al-Muqaddimah al-Ājurrūmiyyah*" melalui pendekatan sama sebagaimana dilakukan oleh Ibn Maymun dalam kitabnya "*Nahw al-Qalb*". Objektif utama beliau dalam penulisan karya tersebut ialah untuk menghubungkan segala percakapan lidah dengan tuntutan hati yang sentiasa mendorong kepada melakukan kebaikan ('Abd al-Qadir 2015:28).

Terdapat juga sebuah kitab nahu Arab yang mengambil pendekatan kerohanian dihasilkan oleh tokoh ulama' Nusantara bernama Nur Iman. Beliau telah menulis sebuah kitab nahu Arab berjudul "*Sāni al-Maṭālib*". Beliau merupakan seorang ulama (*kiyai*) dari Indonesia yang aktif dalam pendidikan dan penulisan karya-karya Islam. Kitab tersebut merupakan sebuah karya nahu beliau ditulis dalam bahasa Arab yang diolah mengikut pendekatan kerohanian. Isi kandungannya membahaskan mengenai kesempurnaan jiwa melalui pembentukan sikap berpandukan kepada konsep *takhliyah*, *tahalli* dan *tajalli* yang diterapkan dalam topik-topik ilmu nahu (Zakiyah 2012:371).

Tegasnya, gagasan untuk memperkenalkan satu pendekatan baharu dalam perbahasan ilmu nahu sufi (*nahw ṣūfi*) telah dimulakan oleh al-Qushayri sejak kurun ke lima Hijrah lagi. Pendekatan ini telah menarik perhatian ulama'-ulama' sufi terkemudian untuk mengikuti jejak langkah beliau dengan menghasilkan karya-karya nahu mengikut metod yang sama.

PENERAPAN NILAI KEROHANIAN DALAM "NAHW AL-QULUB".

Kajian mendapati al-Qushayri memulakan usahanya untuk memperkenalkan konsep nahu sufi secara ringkas dengan menulis sebuah kitab kecil yang mengandungi beberapa muka surat. Beliau telah menamakannya dengan judul "*Nahw al-Qulūb al-Ṣaghīr*". Setelah beliau mendapati perbahasannya memerlukan kepada penjelasan yang lebih mendalam, lalu diteruskan usahanya dengan menulis kitab kedua yang lebih terperinci penghuraiannya dan diberikan judul "*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*" (Ibrahim Bisnyuni & al-Jundi 1994:14). Kitab "*Nahw al-Qulūb al-Ṣaghīr*" dimulai dengan mukadimah yang agak panjang dan hanya membahaskan 17 topik ilmu nahu secara ringkas tetapi sarat dengan simbolik sufi. Manakala kitab "*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*" pula didahului juga dengan mukadimah yang pendek dan

menghuraikan 60 fasal yang terkandung dalam ilmu nahu termasuk topik-topik yang telah disentuh dalam kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*”. Walaupun kitab tersebut menggunakan pendekatan yang sama dengan kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*” tetapi ia dilihat lebih terperinci perbahasannya dan begitu mendalam simboliknya. Justeru, perbahasan dalam kertas kerja ini hanya ditumpukan kepada penerapan nilai kerohanian dalam kitab “*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*” sahaja.

Sebagaimana telah dimaklumi bahawa, tujuan asal seseorang yang menceburi bidang tasawuf ialah untuk memastikan setiap individu sentiasa mengingati Allah dan mendekati diri kepadaNya. Manakala kemuncak matlamat dalam perjalanan kesufiannya adalah untuk mencapai tahap *maʿrifah* Allah (Ibn Khaldun t.t., 328). Dengan membuat rujukan kepada karya al-Qushayri dalam ilmu nahu ini, kajian mendapati bahawa matlamat kehidupan kerohanian seseorang *sālik*¹ dapat dicapai dengan menempuhi dua fasa utama iaitu:

- a) *Takhliyah* (menghindari sifat tercela)
- b) *Taḥliyah* (menghias dengan amalan yang baik)

Al-Qushayri telah membahaskan kedua-dua fasa tersebut dan membuat perbandingan dengan topik-topik yang ada perkaitannya dalam disiplin ilmu nahu untuk menjelaskan hubungan yang signifikan antara kedua-dua bidang ilmu ini iaitu ilmu lisan dan ilmu kerohanian.

Konsep *Takhliyah* Dan Bandingannya Dengan Ilmu Nahu

Takhliyah adalah kata terbitan (*masdar*) daripada perkataan asal (*Khallā – Yukhallī – Takhliyah*) bermaksud melepaskan diri dari sesuatu (Ibn Manzur t.th.,14:242). Manakala maksud *takhliyah* dari sudut istilah ilmu tasawuf ialah meninggalkan dan berpaling dari segala perkara yang boleh mengalihkan perhatiannya dari Allah Ta’ala (al-Jurjani 2003, 59). Dalam konteks perbahasan di sini, *takhliyah* boleh ditakrifkan sebagai suatu proses pembersihan diri yang dilaksanakan oleh seseorang *sālik* dari segala sifat-sifat tercela dan dosa-dosa yang boleh merosakkan kejernihan hatinya.

Pengkaji akan membawa satu contoh sahaja bagi menjelaskan penerapan *nilai takhliyah* dalam ilmu nahu sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Qushayri dalam karyanya. Beliau menyatakan bahawa dalam proses pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*), seseorang *sālik* dikehendaki menjauhkan dirinya dari segala bentuk dosa yang boleh menghalangnya dari memperoleh rahmat Allah Ta’ala dan akan menempatkannya dalam kedudukan yang hina di sisiNya. Beliau telah menyentuh mengenai kesan dosa terhadap pelakunya dalam beberapa fasal antaranya “Partikel Genitif” (*Huruf al-Khafḍ*) Beliau menjelaskan bahawa partikel genitif dalam ilmu nahu berperanan menggenitifkan kata nama (*ʾism*). Partikel tersebut ialah *min* (dari), *ila* (ke), *fi* (di), *bi* (dengan), *ka* (seperti) dan lain-lain lagi (al-Qushayri 2005,27).

Simbolik yang ingin diketengahkan oleh al-Qushayri dari sudut kerohanian berdasarkan kaedah nahu tersebut ialah setiap dosa yang dilakukan oleh seseorang akan menyebabkan ia berada di dalam keadaan yang hina di sisi Allah. Dosa dan sifat tercela tersebut beliau bandingkan dengan partikel genitif (*huruf al-khafḍ*) yang menyebabkan kata nama yang dimasukinya akan menerima baris bawah (*kasrah*). Menurut pandangan ulama nahu, baris bawah (*kasrah*) merupakan baris paling lemah berbanding dengan baris depan (*dammah*) yang merupakan baris paling kuat dan berat berbanding dengan baris-baris yang lain (al-Qushayri 2005, 28). Tambahan pula, perkataan *al-khafḍ* yang merujuk kepada *huruf al-khafḍ* dari sudut

¹ Salik bermaksud orang yang bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah kepada Allah dengan melakukan riyadah dan mujahadah serta mengamalkan wirid yang diijazahkan oleh Shaikhnya.

bahasa membawa maksud merendahkan sesuatu atau menjadikannya hina (Ibn Manzur t.th., 7:145). Maka dapat dibuat suatu perbandingan yang jelas bahawa setiap kata nama yang asalnya nominatif (*raf'*) dan kuat sifatnya akan menjadi genitif (*khafḍ*) dan lemah apabila dimasuki partikel genitif (*huruf al-khafḍ*). Begitu juga situasinya dengan nilai kemuliaan diri seseorang hamba akan menjadi rendah (*khafḍ*) dan hina apabila melakukan dosa kerana ia telah dikuasai oleh hawa nafsu dan godaan syaitan.

Merujuk kepada penerapan nilai *takhliyah* di atas, kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan unsur kehinaan nilai seorang pendosa dalam fasal *hurūf al-khafḍ/al-jarr* berdasarkan kepada persamaan makna **kerendahan** dan **kelemahan** sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Seorang pendosa akan berada pada situasi yang **rendah** (hina) dan **lemah** nilai dirinya di sisi Allah disebabkan dosa yang dilakukan. Hal yang sama dapat dilihat pada setiap kata nama yang dimasuki huruf *al-khafḍ/al-jarr* akan menerima baris *kasrah* yang **rendah** kedudukannya kerana berada di bawah huruf dan dianggap **lemah** menurut kaedah ilmu nahu. Justeru, seorang hamba yang tidak melakukan dosa akan berada pada kedudukan yang mulia dan kuat sebagaimana setiap kata nama yang tidak dimasuki *hurūf al-khafḍ/al-jarr* atau *'awāmil* lain akan menerima baris *ḍammah* yang merupakan baris asal dan kuat.

Konsep Tahliyah Dan Bandingannya Dengan Ilmu Nahu

Fasa kedua yang diketengahkan oleh al-Qushayri dalam kitab "*Naḥw al-Qulūb*" ialah konsep *tahliyah*. Perkataan *tahliyah* merupakan kata terbitan (*maṣdar*) dari asal kata kerja (*ḥalla – yuḥalli – tahliyah*) ertinya menghiasi (Ibn Manzur t.th., 14:195). Dalam konteks perbincangan ilmu tasawuf, istilah *tahliyah* bermaksud menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji dan ketaatan sama ada berbentuk zahir mahupun batin. Ketaatan yang zahir ialah seperti melakukan segala suruhan agama seperti solat, zakat, puasa dan sebagainya manakala yang dimaksudkan dengan ketaatan batin seperti iman, ihsan dan lain-lain lagi berkaitan dengan amalan hati. Pengisian diri dengan sifat terpuji ini diistilahkan juga dengan berakhlak dengan akhlaq Allah (*al-takhalluq bi akhlāq Allah*) (Muhammad Sulaiman Yasin 1986, 39). Konsep *tahliyah* yang dihuraikan oleh al-Qushayri dalam kitab ini mencakupi dua aspek utama iaitu pertama mengenai prinsip-prinsip asas yang wajib dilaksanakan oleh seorang *sālik* contohnya melaksanakan segala tuntutan syariat dan sebagainya.

Pengkaji juga akan membawakan satu contoh sahaja mengenai fasa *tahliyah* dalam kitab "*Naḥw al-Qulūb*" iaitu berkaitan dengan *maqām* taubat. Al-Qushayri telah mengupas konsep tersebut dalam perbincangannya mengenai fasal "Subjek" (*Mubtada*). Subjek atau *mubtada* adalah kata nama yang terletak di awal ayat dan disyaratkan ianya hendaklah bebas dari pengubah fleksi (*'amil*) yang berbentuk perkataan (*lafzi*). Pengubah fleksi berbentuk perkataan (*lafzi*) ialah seperti keluarga (*kāna*), (*inna*) dan lain-lain lagi (al-Qushayri 2005, 18).

Perbandingan yang dapat dilihat dari sudut kerohanian ialah seorang ahli sufi yang berada di peringkat awalan (*mubtadi*) hendaklah menempuh *maqām* taubat (*tawbah*) terlebih dahulu sebelum melalui *maqāmāt* yang lain seperti zuhud, sabar, wara' dan seterusnya. Menurut beliau lagi, sebagaimana keadaan subjek (*mubtada*) dalam ilmu nahu disyaratkan bebas dari pengubah fleksi (*'amil*), begitu juga halnya dengan seorang *sālik* yang dituntut supaya bebas dari segala dosa dan faktor yang mendorongnya melakukan dosa seperti sifat tamak kepada dunia, menurut hawa nafsu dan sebagainya (al-Qushayri 2005, 18).

Kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan nilai yang terkandung dalam *maqām* taubat dalam topik *mubtada* (subjek) berdasarkan kepada persamaan maksud **kebebasan** dari sesuatu unsur sebagaimana dihuraikan dalam kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Dari perspektif

kerohanian, seseorang *sālik* dikehendaki **membebaskan** dirinya daripada segala bentuk dosa sama ada kecil atau besar dengan melakukan taubat kepada Allah. Hal yang demikian kerana dosa boleh menghalang seseorang dari mendekati diri kepada Allah dan menjauhkannya dari memperoleh rahmatNya. Keadaan tersebut juga dapat dilihat pada kata nama yang menduduki *i'rab mubtada'* dalam ilmu nahu kerana ia disyaratkan hendaklah **bebas** dari segala '*āwāmil* (pengubah fleksi) yang boleh mengubah *i'rabnya*. Ini bermakna, setiap kata nama yang berada di awal ayat adalah tidak dinamakan *mubtada'* jika didahului oleh '*āwāmil* seperti partikel "keluarga *inna*", "keluarga *kāna*" dan sebagainya.

Al-Qushayri juga telah membandingkan dalam fasal tersebut, dosa-dosa yang menjadi punca kegagalan seseorang dalam perjalanan kerohaniannya dengan '*āwāmil* yang menjadi sebab sesuatu kata nama tidak dii'*rabkan* sebagai *mubtada'*. Perbandingan yang dibuat adalah berasaskan kepada persamaan maksud **gagal** dari mencapai suatu matlamat sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Dari aspek kerohanian, kesan dosa yang dilakukan oleh seseorang *sālik* akan **menggagalkannya** dari mencapai matlamat perjalanan kerohaniannya untuk mendekati diri kepada Allah. Situasi ini juga dapat dilihat dalam ilmu nahu kerana kewujudan '*āwāmil* telah menyebabkan suatu kata nama **gagal** dari mencapai tujuannya untuk dii'*rabkan* sebagai *mubtada'*. Ketika itu kata nama tersebut telah menjadi *ma'mūl* (perubah fleksi) kepada '*āwāmil* tertentu.

Seterusnya bagi setiap *sālik* yang telah melalui kedua-dua fasa di atas, ia akan mencapai kepada kemuncak matlamat perjalanan kerohaniannya iaitu *ma'rifah* Allah. *Ma'rifah* ditakrifkan sebagai suatu keadaan atau sifat seseorang yang mengenal Allah dari segi zat, sifat dan nama-namanya sehingga akhirnya dapat mengetahui rahsia-rahsia ketuhanan (al-Qushayri 2010:168). Al-Qushayri (2005:12) telah menerapkan nilai *ma'rifah* dalam topik nahu berkaitan dengan "*ma'rifah wa nakirah*" (kata nama khas dan kata nama am). Beliau telah membahagikan kata nama dalam ilmu nahu kepada dua bahagian. Pertama ialah kata nama menunjukkan sesuatu makna yang khusus dinamakan "*ma'rifah*". Bahagian kedua pula kata nama yang menunjukkan makna umum dan dikenali sebagai "*nakirah*".


Dari sudut kerohanian pula, al-Qushayri (2005:12) ingin menjelaskan bahawa para *sālikin* yang menceburi bidang kerohanian atau tasawuf adalah terbahagi kepada dua golongan. Pertama ialah golongan yang telah mencapai tahap *ma'rifah* dan dibandingkan dengan "*ism al-ma'rifah*" dalam ilmu nahu. Manakala golongan kedua pula ialah, mereka yang belum sampai ke tahap *ma'rifah* dan dilaraskan dengan "*ism al-nakirah*". Seseorang yang telah sampai ke tahap *ma'rifah* yang mantap, akan berada pada darjat dan kedudukan yang tinggi dan istimewa di sisi Allah Ta'ala.

Tinjauan terhadap penerapan nilai *ma'rifah* dalam ilmu nahu, kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkannya dalam topik *al-ma'rifah* (kata nama khas) dan *al-nakirah* (kata nama am) berdasarkan kepada aspek persamaan **penggunaan istilah** *ma'rifah* dalam perbincangan kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Namun demikian penggunaan istilah tersebut mengandungi maksud yang berlainan bersesuaian dengan perbincangan bidang masing-masing. Selain dari itu, penerapan yang dibuat juga adalah merujuk kepada aspek persamaan makna wujudnya **keistimewaan** sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-duanya. Dari perspektif taswuf, para *sālikin* yang telah mencapai tingkatan *ma'rifah* memiliki **keistimewaan** tertentu di sisi Allah hasil dari segala pengorbanan dan latihan kerohanian yang dilakukannya. Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam ilmu nahu mengenai kata nama *ma'rifah* yang memiliki ciri-ciri **keistimewaan** tersendiri berbanding dengan kata nama *nakirah* seperti penambahan *alif lam* pada awal perkataan, tidak dibaca dengan tanwin dan sebagainya.

BENTUK PENERAPAN NILAI KEROHANIAN DALAM ILMU NAHU

Melalui analisis yang dilakukan ke atas contoh-contoh yang lalu, kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan nilai-nilai kerohanian berkaitan dengan fasa *takhliyah* dan *tahliyah* dalam topik-topik ilmu nahu berasaskan kepada dua aspek persamaan yang utama. Pertama ialah aspek persamaan dalam penggunaan istilah bagi kedua-dua disiplin ilmu spiritual dan nahu. Ia bermaksud, setiap penggunaan perkataan atau istilah dalam disiplin ilmu spiritual yang mempunyai persamaannya dengan penggunaan istilah dalam disiplin ilmu nahu walaupun ianya mengandungi maksud yang berlainan. Penjelasaannya dapat dilihat dalam kupasan beliau mengenai topik “*ma’rifah*” dari sudut ilmu tasawuf dan ilmu nahu.

Aspek kedua pula ialah persamaan pada makna atau maksud yang terkandung dalam nilai-nilai ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan maksud istilah yang terdapat dalam ilmu nahu. Contoh jelas dalam konteks berkaitan ialah persamaan makna kerendahan dan kehinaan nilai seorang pendosa dalam ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan rendahnya kedudukan baris *kasrah* bagi *ism* yang dimasuki *ḥarf al-khafḍ*. Proses lengkap bagi bentuk penerapan nilai kerohanian dalam disiplin ilmu nahu dapat dilihat dalam “*Kaedah Nahu Sufi Qushayri*” (KNSQ) yang dijelaskan melalui rajah analisis rantai nilai (*value chain analysis*) di sebelah:



Rajah 1. Kaedah Nahu Sufi Qushayri (KNSQ)

Dalam rajah 1 di atas, telah dihuraikan bagaimana untuk mencapai matlamat *ma’rifah* Allah, dua unsur hendaklah diambil berat dan diamati. Unsur pertama dikenali sebagai aktiviti premier yang diwakili oleh proses penerapan nilai kerohanian mengenai konsep *takhliyah* dan *tahliyah* dalam ilmu nahu. Aktiviti premier pula hendaklah disokong dan dikukuhkan dengan aktiviti sokongan yang diwakili oleh aspek persamaan penggunaan istilah dan aspek persamaan makna. Perlaksanaan kedua-dua aktiviti tersebut merupakan rantai nilai yang menuju kepada kemuncak matlamat perjalanan kerohanian seorang *sālik* iaitu *ma’rifah* Allah.

KESIMPULAN

Kajian merumuskan bahawa al-Qushayri telah membawa satu pendekatan baharu dalam disiplin ilmu nahu. Beliau dilihat sebagai tokoh ulama sufi pertama berjaya menerapkan nilai kerohanian atau tasawuf dalam beberapa topik nahu yang dilihat ada perbandingan yang signifikan antara kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Beliau juga telah menjelaskan bagaimana konsep “*ma’rifah Allah*” yang menjadi matlamat perjalanan kerohanian seorang *sālik* dapat dicapai melalui pengajian ilmu nahu yang dikenali sebagai nahu sufi atau nahu hati (*naḥw al-qulūb*).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- ‘Abd al-Ghāfir al-Fārisi (2008), *al-Muntakhab min Al-Siyāq li Tārīkh Nīsābūr, intakhabahu Ibrahim bin Muhammad*, Mesir: Maktabah al-Thaqāfah al-‘Ilmiyyah.
- ‘Abd al-Qadir al-Kuhani (2015), *Tajrīd Sharḥ al-Imām Ibn ‘Ajībah ‘ala Matn al-Ajurrūmiyyah*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Ahmad Zaruq al-Fasi (2005), *Qawā'id al-Tasawwuf*, tahkik Abd al-Majid al-Khayali, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ali bin Maymun al-Hasaniy al-Idrisiy (2015), *Nahw al-Qalb*, tahkik Aim Ibrahim Lubnan: Kitab-Nashirun
- Bakharzi, Ali bin al-Hasan bin Ali al- (1993), *Dumyah al-Qasr wa ‘Usrah Ahl al- ‘Asr*, tahkik Muhammad al-Tunji, Beirut: Dar al-Jil.
- Dawūdi, Muhammad bin Ali bin Ahmad al- (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah.
- Dhahabi, Shams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman al- (t.t.), *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Hāji Khalifah, Mustafa bin ‘Abd Allah (1990), *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmi al-Funūn*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn ‘Ajībah, Abu Abbas Ahmad bin Muhammad bin al-Mahdi (2008.), *Īqāz al-Himam fi Sharḥ al-Hikam*, Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah
- Ibn ‘Abidin (2003), *Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*, Riyad: Dar ‘Alam al-Kutub
- Ibn ‘Asākir, Abu al-Qasim Ali bin al-Hasan bin Hibah Allah (1984) , *Tabyin Kadhib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abi Hasan al-Ash‘ariy*, Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabiyy.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad (t.t.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Mesir: Dar Ibn Khaldun
- Ibn Manzūr, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Ali (t.t.), *Lisān al-‘Arab*. Beirut: *Dar Ṣādir*.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Abu ‘Abbas Ahmad bin ‘Abd al-Halim (2003), *Iqtidā' al-Ṣirāt al-Mustaqīm Mukhalafah Ashāb al-Jahīm*. Mesir: *Dār al-Hadith*.
- Ibrahim Bisunyi dan Ahmad ‘Ilm al-Din al-Jundi (1994), *Nahw al-Qulūb al-Kabīr li al-Imām Zayn al-Islām ‘Abd al-Karīm al-Qushayri*, Mesir: *Maktabah ‘Ālam al-Fikr*.
- Jundi, Ahmad ‘Ilm al-Din al- (2008), *Nahw al-Qulub al-Saghir li al-Imam Zayn al-Islam ‘Abd al-Karim al-Qushayri*, Mesir: al-Hay’ah al-Misriyyah al-‘Āmmah li al-Kitab.
- Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali al- (2003), *Al-Ta‘rifāt*, Kaherah: Maktabah al-Qur’an.
- Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit al- (t.t.), *Tārīkh Baghdād*, Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit al- (1983), *al-Jāmi’ li Akhlāq al-Rāwi wa Ādāb al-Sāmi’*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- Muhammad Hasan Fir (t.t), *al-Rasā'il al-Qusahyriyyah*, Pakistan: *al-Ma‘had al-Markaziyy li al-Abḥāth al-Islāmiyyah*.
- Mohd. Sulaiman Yasin (1980), *Mengenal Ilmu Tasawuf Pengantar*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam JPM.
- Qalqashandi, Abi al-‘Abbas al- (1991), *Nihāyah al-‘Arb fi Ma ‘rifah ‘Ansab al-‘Arab*, Mesir: Dar al-Kitab al-Misriyy.
- Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari al- (2006), *AL-Jami’ li Ahkam al-Quran*, Saudi Arabia: Muassasah al-Risalah.

- Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin al- (2005) *Nahw Al-Qulūb* , Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin al- (2010), *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Mesir Sharikah al-Quds lil-Tijarah.
- Sam‘ani, 'Abd al-Karim al- (1990), *Kitāb Al-Ansāb*, Lubnan: Dār ‘iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy.
- Shahrizal Mahpol, Syed Hadzrullathfi Syed Omar dan Mohd Rizal Mohd Abdan (2017), *al-Qushayri, Biografi dan Sumbangannya Dalam Menerapkan Nilai Spiritual Dalam Ilmu-Ilmu Islam*, Kertas Kerja dalam International Conference on Empowering Islamic Civilization 7-8 Oktober, Universiti Sultan Zainal Abidin
- Subki, Taj al-Din Abu al-Nasr 'Abd al-Wahhab bin Ali bin 'Abd al-Kafi al- (t.t.), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*. Mesir: Dar 'Ihya' al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Suyūṭi, 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr Jalal al-Din al- (1982), *Ṭabaqāt t al-Mufasssirīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Suyūṭi, 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr Jalal al-Din al- (2005), *Jam' al-Jawami' al-Ma'ruf bi al-Jami' al-Kabir*, Kaherah: Dar al-Sa'adah.
- Syāṭibi, Ibrahim bin Musa al- (t.t.), *Al-I'tisām*. Saudi: Maktabah al-Tawhid
- 'Ukayyili, Hasan Mandil Hasan al- (2012), *Dirāsāt Naḥwiyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Zarkashi, Abu 'Abd Allah Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah al- (t.t.), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Quran*. Mesir: Maktabah Dar al-Turath.
- Zakiyah (2012), *Kitab al-Sanī al-Maṭālib: Interkoneksi Nahwu dan Tasawuf*, dalam jurnal Penelitian Sosial Kegamaan, jilid 20. November 2012. h. 371-390. Semarang Penerbit UIN Walisongo.

Penulis

Shahrizal Mahpol merupakan Pensyarah Kanan bahasa Arab di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan. Kepakaran beliau adalah bidang Tasawuf, Pengajian Islam, Nahu Arab, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab

Muhammad Saiful Anuar Yusoff merupakan Pensyarah Kanan bahasa Arab di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan. Kepakaran beliau adalah psikologi pendidikan, motivasi, metakognisi, kefahaman bacaan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, pengukuran dan penilaian dalam pendidikan, SEM (PLS & AMOS) dan sastera serta retorika Arab.

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Bin Mohd Sa'ad merupakan Pensyarah bahasa Arab di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan. Berpengalaman mengajar pelajar diploma dan ijazah lebih daripada lima tahun di UiTM Kelantan. Manakala minat penyelidikan berkisar kepada bidang terjemahan dan leksikologi.